



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 19 JANUARI 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	PADI FARMERS UNDER HIGH PRESSURE, NATION, THE STAR -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	LE[ASKAN GAJI RM15,000 DEMI TERNAK UDANG GALAH, NASIONAL, BH -35	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3. 4.	MAQIS JOHOR RAMPAS IKAN KERAPU BARA, SINAR NEGERI JOHOR, SH -32 HALANG VIRUS ASF MASUK MALAYSIA, NASIONAL, SH -13	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5.	NANAS HIASAN INOVASI TANAMAN LANDSKAP BAHARU, NASIONAL, SH -13	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
6. 7.	GUNA SERAI GANTI PENYEDUT MINUMAN CADANGAN YANG SERIUS, NASIONAL, SH -8 KADA MAHU KOMERSIALKAN MANGGA, SINAR NEGERI KELANTAN, SH -35	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
8.	MODEL HYGROWPOTMAX KINI LEBIH STABIL, XPRESI, METRO AHAD -34	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Padi farmers under high pressure

**KEPALA BATAS:** The drought is a hard reality affecting padi farmers here and the half-built pump house of Pinang Tunggal is not helping.

A group of farmers swarmed Deputy Agriculture and Agro-based Industry Minister Sim Tze Zin when he went to check on the unfinished upgrading.

They asked about the progress of the project and told him how they were in dire need of it.

"It has been four years and our lives depend on each harvest to clear debts and spend on festivals. We strongly believe that the increase of water capacity once the project is completed will address

the shortage of water at farms during dry spells.

"Please, hear our plight and expedite the project," said one of them to Sim.

The Pinang Tunggal pump house, which draws water from Sungai Muda via Sungai Korok, was supposed to be completed last December, but the three pump units have yet to arrive.

Penang Irrigation and Drainage Department director Shukri Muslim said the upgrade was crucial.

"The pump house and the existing pumps were built over 30 years ago.

"Once the new pumps arrive, we

will resume the upgrading work and expect the project to be completed in June and running in July," he said during Sim's visit.

Sim explained to the farmers that while the RM3.59mil upgrading of the pump house was a long-term plan to ensure sufficient water supply to the area, short-term measures had been initiated.

"There are 1,164ha of padi fields and 827 farmers in Pinang Tunggal affected by the drought. The current pumps at the house still function but the low water level is limiting their capability.

"So far, 34 units of mobile pumps have been deployed and are operat-

ing in affected areas to help channel water," he said.

Sim warned of drier days to come and urged farmers to use water moderately.

"The Meteorological Department has forecast that there will be no rainfall in February, so the worst is yet to come.

"I urge farmers to practise moderation and conserve water whenever they can. Long-term plans are on the way," he said.

He said other plans under discussion to further secure water included the building of a coastal reservoir by the sea or pocket reservoirs along rivers.

# Lepaskan gaji RM15,000 demi ternak udang galah

Bekas jurutera berhenti kerja dapati bidang akuakultur beri pulangan lumayan

Oleh Abnor Hamizam  
Abd Manap  
bhnews@bh.com.my

**Jelebu:** Seorang bekas jurutera yang sanggup berhenti kerja kerana mahu menjadi penternak udang galah, berhasrat meluaskan perusahaannya itu dengan menambahkan bilangan kolam ternakan. Aizy Abdullah, 42, berkata ketika ini beliau sedang mengenal pasti beberapa kolam terbiar di sekitar daerah ini, selepas mendapati bidang akuakultur memberi pulangan lumayan.

Beliau berkata, walaupun tidak mahir dalam bidang berkenaan, pelbagai agensi termasuk Jabatan Perikanan negeri banyak membantunya dalam memastikan penternakan yang diusahakan berjaya.

"Ternakan udang galah lebih memberi keuntungan daripada ikan dan walaupun ada risiko tersendiri, saya masih berani mengeluarkan modal RM30,000.

"Selepas melihat kejayaan per-



Bakri (dua dari kanan) melihat udang galah yang ditemak Aizy (dua dari kiri) ketika melawat kolam ternakan di Kampung Ulu Seperi; Jelebu. (Foto Abnor Hamizam/BH)

tama dengan tuaiannya hasil diperolehi lebih RM20,000, saya semakin seronok dan ini menyebabkan saya mahu menambah bilangan kolam ternakan dengan mencari kolam terbiar di sekitar Jelebu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika pada lawatan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Bakri Sawir ke

kolam ternakan udang galah milikinya di Kampung Ulu Seperi, di sini.

Aizy berkata, kebanyakan udang ditemaknya dibeli pengusahanya kolam pancing sekitar Johor dan Singapura pada harga RM65 sekilogram.

"Saya tidak menyessel berhenti kerja dengan melepaskan gaji bulanan sebanyak RM15,000 kerana

apabila mengusahakan perusahaan sendiri kita tentukan sebarang peraturan," katanya.

Sementara itu Bakri berkata, kerajaan negeri akan mengenal pasti kolam terbiar di negeri ini untuk diusahakan dengan ternakan udang galah dan mahu negeri ini turut menjadi pengeluar utama udang galah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/1/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI JOHOR	37

## Maqis Johor rampas ikan kerapu bara

**JOHOR BAHRU** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas ikan kerapu bara seberat 243.5 kilogram (kg) selepas memeriksa sebuah lori di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), di sini kelmarin.

Pengarah Maqis Johor, Nur Afifah A Rahman berkata, pemeriksaan dilakukan pada jam 4.30 petang itu mendapati kesemua bekalan ikan yang cuba dibawa masuk dari Singapura disorokkan dalam beberapa bekas polisterin.

“Kerapu bara berkenaan dipercayai dibawa masuk untuk pasaran sekitar Johor Bahru memandangkan ia mendapat permintaan sangat tinggi pada masa ini.

“Kesemua ikan yang dianggarkan

bernilai RM30,437 itu dirampas kerana tiada sebarang dokumen yang sah seperti permit import dan sijil kesihatan dari negara asal,” katanya dalam kenyataan semalam.

Nur Afifah berkata, perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian tanpa permit import yang sah daripada Maqis adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta yang sama.

Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.



Anggota Maqis menunjukkan ikan kerapu bara yang dirampas di KSAB kelmarin.

# Halang virus ASF masuk Malaysia

MOA dan Maqis komited bendung kemasukan daging babi secara haram

Oleh SYAJARATULHUDA  
MOHAMAD ROSLI

## BAYAN LEPAS

Rakyat Malaysia yang tinggal di luar negara dan akan pulang terutamanya pada musim perayaan Tahun Baru Cina dinasihatkan agar tidak membawa pulang daging babi selain makanan berasaskan daging haiwan tersebut.

Selain itu, virus tersebut dikesan dibawa masuk oleh pelancong luar negara yang membawa masuk daging babi atau produk hiran berasaskan daging tersebut seperti yang berlaku di negara Asia lain.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin berkata, kerajaan berusaha membendung virus African Swine Fever (ASF) bawaan daging babi yang dikesan dari luar negara sejak September 2018 masuk



Tze Tzin (dua dari kanan) bersama pegawai Maqis memeriksa bageai pelancong luar di LTAPP, Bayan Lepas semalam.



Tze Tzin (kiri) bersama Ketua Pengarah Maqis, Saiful Yazan Awi (tengah) menunjukkan daging babi yang dirampas di LTAPP.

ke Malaysia.

Menurutnya, sebagai langkah pencegahan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga telah mengeluarkan larangan pengimportan daging babi dan produk babi dari 13 negara antaranya China, Vietnam, Laos, Hong Kong, Korea dan Indonesia.

"Sehingga hari ini, tiada kes melibatkan virus ASF dikesan di Malaysia. Ini yang kita mahu jaga agar virus ASF tidak terlepas masuk seperti di Indonesia, Filipina, China dan Thailand.

"Kita berusaha agar virus itu tidak menular dengan melarang kemasukan produk berisiko tinggi antaranya babi hidup, daging babi segar, babi sejuk beku, produk babi dalam tin dan sosej," katanya pada sidang akhbar Program Kesedaran Keselamatan Makanan Dalam Negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) di sini semalam.

Tze Tzin berkata, kerajaan juga melalui Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) memperting-

katkan pemeriksaan di semua pintu masuk negara untuk menghalang kemasukan virus tersebut.

"Maqis menambah anggota selain waktu operasi terutamanya pada musim perayaan ini.

"Maqis juga bekerjasama dengan agensi lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia di semua pintu masuk.

"Pada tahun 2019, Maqis merampas 5,731 kilogram (kg) daging dan produk babi iaitu 2,497kg daging babi serta 3,232kg produk babi," katanya.

Beliau berkata, selain ASF, dua kes melibatkan virus Foot Mouth Disease (FMD) dibawa melalui daging lembu dari Thailand.

"Sebanyak 185 ekor lembu yang ada tanda klinikal atau jangkitan FMD dikuarantin di premis kuarantin swasta di Bukit Kayu Hitam, Kedah dan Rantau Panjang, Kelantan selama 28 hari.

"Kesemuanya akan dilupuskan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan," katanya.

## Nanas hiasan inovasi tanaman landskap baharu

GEORGETOWN - Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) memperkenalkan nanas hiasan yang boleh dijadikan tanaman landskap menarik dan boleh ditanam di pelbagai tempat.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin berkata, nanas hiasan merupakan terma nama tanaman Bromeliad daripada keluarga Bromeliaceae yang terdiri daripada 3,475 spesies.

Menurutnya, nanas hiasan atau nama saintifiknya Ananas Comosus ialah spesies daripada keluarga Bromeliaceae.

"Nanas hiasan ialah spesies pokok dalam keluarga Bromeliaceae yang paling popular dan paling banyak ditanam di dunia serta berbuah yang menjadikannya sebagai tanaman komersial.

"Nanas hiasan itu tidak

boleh dimakan seperti nanas segar spesies MD2, Josapine, Morris dan sebagainya," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan landskap nanas hiasan di Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Bayan Baru di sini bersama Pengerusi LPNM, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.

Tze Tzin berkata, selain dijadikan tanaman landskap untuk laman, nanas hiasan juga boleh dijadikan dekorasi bagi hiasan meja, hiasan dalaman, cenderamata, majlis perkahwinan, sektor perhotelan dan pelancongan.

Menurutnya, Malaysia mempunyai kelebihan dari segi faktor kedudukan geografi di garisan Khatulistiwa iaitu cuaca panas dan lembab sepanjang tahun selain amat sesuai untuk penanaman dan kesuburan nanas hiasan itu.

"Ia membolehkan nanas itu ditanam di luar bangunan menyebabkan kos penanamannya



Tze Tzin (empat dari kiri) melihat nanas hiasan ketika pelancaran Landskap Nanas Hiasan di Georgetown semalam.

rendah berbanding negara lain.

"Dengan kelebihan yang ada, pengusaha nanas hiasan dijangka mampu meraih pendapatan lumayan kerana harganya yang tinggi setanding dengan orkid serta tumbuhan perhiasan dan bunga yang lain.

"Bagi nanas hiasan dan ornamental, ia dilihat mampu melonjakkan nilai eksport Malaysia sebanyak lima peratus iaitu RM17.6 juta berbanding RM16.78 pada 2018," katanya.

Tze Tzin berkata, tanaman itu mampu hidup antara satu

hingga tiga tahun bergantung kepada spesies pokok menjadikannya ekonomik dari segi pemeliharaan pokok hiasan.

"Sama seperti nanas segar, pokok nanas hiasan yang matang akan menghasilkan bunga dan seterusnya menghasilkan sulur (anak) dalam tempoh tiga ke empat bulan," katanya.

Sementara itu, Abdul Malik berkata, LPNM akan sentiasa mengambil langkah pendekatan untuk mempromosikan dan memperkenalkan tanaman hiasan Bromeliad melalui pameran yang akan dilaksanakan.

Katanya, bagi memulakan industri di wilayah utara terutama Pulau Pinang, beliau memohon kerjasama daripada Jabatan Pertanian untuk menggunakan tanah di taman pertanian bagi tujuan penanaman, pembiakan dan perluasan tanaman nanas hiasan.

## Guna serai ganti penyedut minuman cadangan yang serius

**PASIR MAS** - Keputusan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) menggunakan serai buluh bagi menggantikan straw bukan 'cadangan main-main', sebaliknya satu usaha kecil yang serius bagi menyedarkan masyarakat supaya menghargai alam sekitar.

Pengerusinya, Senator Datuk Husam Musa berkata, kerja-kerja penanaman serai buluh masih meluas di negara ini dan KADA memberi galakkan dengan membiakan tanaman berkenaan.

"Kita sedia memberi ker-

jasama kepada mereka yang mahu mengusahakan tanaman serai ini dengan memberi tunjuk ajar, berkongsi ilmu bagi memastikan hasrat itu dapat direalisasikan," katanya kepada pemberita selepas melawat taman mangga jenis harumanis yang diusahakan seorang guru, Mohd Rosli Yaakub, 50, di Kampung Paloh, Tendong di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas mengenai hasrat KADA yang mahu mempopularkan serai buluh bagi menggantikan straw se-

hingga menimbulkan perdebatan hangat dalam kalangan warganet.

Sementara itu, Husam berkata, serai buluh sesuai kerana bentuknya seperti penyedut minuman.

Menurutnya, setiap hari sebanyak 31 juta penyedut minuman digunakan oleh rakyat di negara ini dan setiap penyedut itu mengambil masa hampir 200 tahun untuk hancur secara semula jadi.

Katanya, situasi itu boleh menyebabkan kematian 100,000 hidupan laut setiap tahun.